

# FENAGESIC TABLET

Mefenamic Acid (250mg)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah Kegunaan Fenagesic Tablet.
2. Bagaimana Fenagesic Tablet berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Fenagesic Tablet.
4. Cara menggunakan Fenagesic Tablet.
5. Semasa menggunakan Fenagesic Tablet.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Fenagesic Tablet.
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah Kegunaan Fenagesic Tablet

Ia digunakan untuk rawatan Primary Dysmenorrhoea (sakit haid) dan melegakan kesakitan sederhana apabila terapi tidak akan melebihi satu minggu.

## Bagaimana Fenagesic Tablet Berfungsi

Fenagesic Tablet mengandungi bahan yang dikenali sebagai Mefenamic acid. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai ejen anti-radang bukan steroid (NSAID) yang mengurangkan demam, kesakitan dan keradangan.

## Sebelum menggunakan Fenagesic Tablet

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Fenagesic Tablet:

- Jika anda mempunyai alahan atau hipersensitiviti kepada Mefenamic acid atau mana-mana bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini.
- Jika anda mempunyai asma, rinitis (radang membran mukus di hidung), urtikaria (gatal ataupun ruam) atau simptom menjadi lebih teruk disebabkan oleh Aspirin atau NSAID.
- Jika anda mempunyai ulser aktif
- Jika anda mempunyai keradangan yang kronik pada bahagian atas atau bawah perut dan usus.
- Jika anda mempunyai penyakit buah pinggang.

### - Sebelum menggunakan Fenagesic Tablet

Anda perlu menyemak dengan doktor anda:-

- Jika anda mempunyai masalah jantung atau strok
- Jika anda mempunyai tekanan darah tinggi
- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati

- Jika anda mengambil anti-koagulan (ejen darah penipisan)
- Jika anda mempunyai atau telah mempunyai ulser, pendarahan atau penembusan perut dan usus
- Jika anda mengalami dispepsia (rasa tidak selesa di sekitar epigastric kerana masalah pencernaan).
- Fenagesic tablet boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk, contohnya exfoliative dermatitis, toxic epidermal necrolysis, Steven-Johnson Syndrome. Simptom-simptom adalah ruam kulit, kulit melepuh dan mengelupas. Simptom ini menjadi tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Sila rujuk doktor anda sebelum menggunakan Fenagesic tablet jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau berniat untuk menyusukan. Doktor anda akan menimbang risiko dan manfaat pengambilan Fenagesic Capsule terhadap anda.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat dan Fenagesic tablet boleh bertindak balas antara satu sama lain. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor anda atau ahli farmasi jika anda mengambil seperti berikut :-

- Ejen antikoagulan oral, ubat yang digunakan untuk penipisan darah
- Lithium, digunakan untuk kemurungan

## Cara menggunakan Fenagesic Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

#### Secara Oral :

Regimen yang disyorkan dalam kesakitan akut untuk orang dewasa dan kanak-kanak lebih 14 tahun adalah 500mg tiga kali sehari, biasanya tidak melebihi satu minggu. Untuk rawatan seggungut atau sakit haid, dos yang disyorkan adalah 500mg tiga kali sehari bermula dengan bermulanya pendarahan dan gejala yang berkaitan. Mefenamic Acid tidak boleh digunakan lebih daripada 7 hari pada satu masa.

Anda harus bincang dengan doktor anda mengenai Fenagesic tablet jika anda di bawah umur 14 tahun.

### - Bila perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Fenagesic tablet.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat anda, jika anda sesiapa sahaja yang menggunakan terlalu banyak ubat ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera. Mengambil terlalu banyak pil boleh menyebabkan cirit-birit, loya dan ataupun tanpa muntah, sakit perut, mengantuk, pening, ketakutan, sakit kepala, penglihatan kabur, sawan, *Dyskinesia* (pergerakan luar kawal), kegagalan buah pinggang, koma dan kematian.

## Semasa menggunakan Fenagesic Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Fenagesic Tablet mengikut arahan doktor.

### - Perkara yang tidak perlu dilakukan

Jangan kongsi ubatan anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Fenagesic tablet terhadap anda. Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang dinyatakan.

## Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat, Fenagesic tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalami. Berjumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Mefenamic Acid boleh membawa gangguan pada perut dan usus. Pendarahan pada usus dan perut mungkin berlaku.

Gangguan darah yang lain seperti anemia hemolitik, agranulocytosis, pancytopenia, thrombocytopenia, purpura thrombocytopenic dan sum-sum tulang aplasia mungkin berlaku. Simptom seperti cirit- birit atau ruam kulit adalah petunjuk untuk memberhentikan pengambilan ubat tersebut

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*).

### Cara Penyimpanan dan Pelupusan Fenagesic Tablet

#### - Penyimpanan

Simpan pada suhu dibawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

#### - Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan yang berlebihan secara sebarangan. Dapatkan nasihat ahli farmasi anda mengenai cara-cara pelupusan ubat

### Maklumat Lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Tablet: Bulat, cembung dalam, kuning. Filem tablet bersalut tanpa tanda

#### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Mefenamic Acid

- Bahan tidak aktif

(MAL19861050AZ)

- Lactose
- Starch
- Magnesium Stearate
- Hydroxypropyl Methylcellulose
- Isoprophyl Alcohol
- Deionised Water
- Ethylene Glycol Monoethyl Ether
- Talcum
- Calcium Phosphate
- Titanium Dioxide
- Quinoline Yellow 30E

(MAL20020159AZ)

- Lactose
- Corn Starch
- Sodium Starch Glycolate
- Magnesium Stearate

- PVP K90
- Sodium Lauryl Sulphate
- Isopropyl Alcohol
- Deionised Water
- Hydroxypropyl Methylcellulose
- Calcium Carbonate
- Talcum
- Starch
- Titanium Dioxide
- PEG 6000
- Eurolake Quinoline Yellow 66154 (21%)
- FD&C Yellow #6A1 Lake 090623 (20 -24%)

#### - Nombor MAL

MAL19861050AZ

MAL20020159AZ

#### **Pengilang**

(MAL19861050AZ)

Sunward Pharmaceutical PTE.LTD No.11,  
Wan Lee Road, Jurong 2262,  
Singapore.

(MAL20020159AZ)

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
9,11 & 17 Jalan Kempas 4,  
Taman Perindustrian Tampoi Indah,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman  
Perindustrian Tampoi Indah, 81200  
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

#### **Tarikh Kemaskini RiMUP**

29/09/2015

#### **Nombor siri**

BPFK(R4/1)280915/00326